

D412

U B393 AAB
MAHATHIR - BANK
(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS JAM 2230 - 28 OGOS)

(I)

KUALA LUMPUR, 28 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGSYORKAN SUPAYA BANK-BANK MENUBUHKAN JABATAN-JABATAN KHAS BAGI MENGGALAK PELABURAN ASING DI NEGARA INI SERTA MENASIHAT DAN MEMBANTU USAHAWAN TEMPATAN MENJALANKAN PROJEK USAHASAMA DENGAN PELABUR ASING.

BELIAU BERKATA, BANK HENDAKLAH MEMAINKAN PERANAN LEBIH LUAS DALAM MENGGALAKKAN PELABUR ASING MENDIRIKAN LOJI-LOJI DI SINI KERANA +BANK-BANK TIDAK HARUS SETAKAT MEMINJAMKAN WANG.+

+ AHLI-AHLI BANK DI NEGARA INI JUGA MEMPUNYAI TUGAS UNTUK MEMBETULKAN GAMBARAN YANG SALAH YANG DIBUAT OLEH SESETENGAH RAKYAT MALAYSIA MENERUSI KENYATAAN YANG TIDAK BERTANGGUNGJAWAB DAN BERNIAT JAHAT. AHLI-AHLI BANK ADALAH ORANG YANG BERWIBAWA. MEREKA MESTILAH MENGHEBAHKAN GAMBARAN YANG BENAR MENGENAI NEGARA INI,+ KATA BELIAU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERUCAP DEMIKIAN DI MAJLIS JAMUAN TAHUNAN INSTITUSI-INSTITUS KEWANGAN DI SINI MALAM INI.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA, BELIAU KINI MIRIP MEMPERCAYAI KENYATAAN YANG DIBUAT OLEH MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ BARU-BARU INI BAHAWA RAKYAT MALAYSIA MERUPAKAN MUSUH MEREKA SENDIRI YANG PALING KETAT. -- LAGI.

2148MST 28 08 87

D414

U B394 AAB
MAHATHIR - BANK 2 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

(I)

+SIAPA YANG MEMBERITAHU PELABUR ASING KETEGANGAN WUJUD DALAM NEGARA?. RAKYAT MALAYSIA.+

+PELABUR ASING SERING MEMBERITAHU SAYA BAHAWA MEREKA DIBERITAHU OLEH RAKYAT MALAYSIA YANG ORANG CINA SEDANG MERANCANG MEMBERONTAK MENENTANG KERAJAAN - TIDAKLAH CERITA YANG PANJANG LEBAR, TETAPI ITULAH IMPLIKASINYA,+ KATA BELIAU.

HAKIKAT BAHAWA MAJORITI RAKYAT CINA ADALAH SETIA DAN INGIN KESTABILAN TIDAK DIHIRAUKAN, KATANYA, DAN MENEGASKAN BAHAWA AKIBATKNYA ORANG ASING HILANG KEPERCAYAAN TERHADAP MALAYSIA DAN RAKYAT MALAYSIA DARI SEMUA KAUMLAH YANG MENANGGUNG AKIBATNYA.

BELIAU JUGA MENYENTUH USAHA KERAJAAN MENGGALAKKAN SEKTOR PEMBUATAN DAN MENGGESA PIHAK LAIN, Khususnya BANK, MEMBANTU MEREKA Khususnya YANG BERORIENTASIKAN EKSPORT.

BELIAU MENASIHATI BANK-BANK JANGAN +MUDAH SAJA+ MENARIK DIRI DARI PARA PEKILANG YANG KELIHATAN HENDAK TUMBANG. -- LAGI.

2152MST 28 08 87

U B396 AAB
MAHATHIR - BANK 3 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

(I)

MENYEDARI BAHAWA PENGELUARAN KOMODITI TIDAK SELALUNYA MENGUNTUNGGAN, BELIAU BERKATA, SETIAP KEPUTUSAN UNTUK MENCEBURI BIDANG PEMBUATAN BUKANLAH SEBAGAI GANTIAN BAGI PERLOMBONGAN ATAU PERLADANGAN TETAPI SEBAGAI PENYEKAT TERHADAP BERLAKUNYA KEANEHAN HARGA KOMODITI.

+PEMBUATAN BUKANLAH MUDAH OLEH KERANA KITA TIDAK MEMPUNYAI BARANG KELUARAN ATAU PROSES BARU BAGI MEMBERIKAN KITA KELEBIHAN,+ KATANYA DAN MENEGASKAN BAHAWA PERSAINGAN ADALAH SENGIT DAN OLEH ITU PARA USAHAWAN MEMERLUKAN SOKONGAN DAN GALAKAN DARI SEMUA PIHAK.

MENURUT PERDANA MENTERI, SERING USAHAWAN MALAYSIA DIDAPATI DARI JENIS +HENTAM DAN LARI+ DENGAN KEINGINAN UNTUK MENDAPATKAN UNTUNG JANGKA PENDEK.

+AKIBATNYA, KITA LIHAT TERLALU KECIL ATAU TIDAK ADA LANGSUNG KOMITMEN UNTUK MENGHADAPI MASA DEPAN. HANYA WUJUD HASIL KELUARAN YANG TIDAK BERMUTU DALAM KEBANYAKAN HAL YANG SUKAR UNTUK BERJAYA DALAM PERSAINGAN DI LUAR NEGERI,+ KATANYA DAN MENAMBAH BAHAWA SEBILANGAN DARIPADA APA YANG DIPANGGIL AHLI PERNIAGAAN INI TELAH +TERHAPUS+ AKIBAT KEMELESETAN. -- LAGI.

2155MST 28 08 87

U B401 DEB
MAHATHIR-BANK 4 KUALA LUMPUR (EMBARGO)

(I)

SATU LAGI SEBAB RAKYAT MALAYSIA NAMPAKNYA TIDAK MAMPU MENGELUARKAN USAHAWAN GERGASI, MENURUT BELIAU, IALAH KERANA +KEHIDUPAN BEGITU MUDAH DI SINI, TIDAK ADA USAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH DIPERLUKAN UNTUK MEMAJUKAN LADANG ATAU PROJEK PERUMAHAN ATAU MENGGALI BAGI MENDAPATKAN TIMAH+, BERBANDING DENGAN NEGARA-NEGARA TANPA SUMBER DI MANA CABARAN-CABARAN ADALAH LEBIH BESAR DAN MEREKA YANG BANGGUP MENGHADAPI CABARAN INI MEMPUNYAI SIFAT-SIFAT YANG DIPERLUKAN SEBAGAI USAHAWAN KUKUH.

DENGAN MEMINTA BANK MENJADI PELINDUNG BAGI +KUMPULAN KECIL BAKAT USAHAWAN MALAYSIA+, PERDANA MENTERI MENEGASKAN, NASIB DAN SURVIVAL MEREKA MENJADI BERGANTUNG KEPADA BANK.

DALAM MASA KEMELESETAN, KATANYA, KERUGIAN TIDAK DAPAT DIELAKKAN BAGI USAHAWAN DAN JUGA AHLI BANK DAN APA YANG PENTING, KATANYA, BUKANLAH KERUGIAN WALAU BAGAIMANA TERUK SEKALIPUN, +TETAPI SAMA ADA PENYOKONG DAN BANK DAPAT MEMBEZAKAN ANTARA ORANG DEWASA DENGAN BUDAK-BUDAK.+

AHLI-AHLI BANK MESTILAH BERPANDANGAN JAUH.

MENGCAP USAHAWAN SEBAGAI BANKRAP SEMATA-MATA KERANA KEMELESETAN MENYEBABKAN MEREKA TIDAK DAPAT MEMBAYAR BALIK PINJAMAN TIDAK AKAN MEMBANTU SESIAPA, SAMA ADA PEMINJAM, ATAU BANK ATAU NEGARA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. -- BERNAMA.

2213MST 28 08 87